

31/08/1998

Saranan wujud instrumen kewangan Islam disokong

MELAKA, Ahad - Sistem kewangan sedia ada yang mengamalkan riba dan mengenakan kadar faedah yang tinggi tidak sesuai lagi dipraktikkan sekarang, khususnya sewaktu negara dilanda krisis kewangan.

Selain itu, kelemahan sistem berkenaan yang lebih banyak menindas daripada membantu pihak yang membuat pinjaman, sepatutnya digantikan dengan sistem kewangan lain.

Sehubungan itu, Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, menyokong saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pakar agama dan ekonomi Islam mewujudkan instrumen kewangan Islam di negara ini.

Menurut Mohd Ali, sistem kewangan dunia, termasuk seperti yang diamalkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menampakkan ketidakadilan terhadap peminjam yang mana mereka sepatutnya dibantu dan bukannya ditindas.

"Negara ini mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang, termasuk pendidikan dan ekonomi Islam melalui penubuhan Universiti Islam Antarabangsa dan Bank Islam," katanya di sini, hari ini.

Semalam, Dr Mahathir berkata, instrumen kewangan itu boleh menjadi alternatif yang membantu umat Islam menghadapi kekusutan sistem kewangan ketika ini dan menjelang abad ke-21.

(END)